




UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 325

AKTA KEDAH DAN PULAU PINANG
(PENGUBAHAN SEMPADAN) 1985



Beta bersetuju

A stylized signature of the Yang di-Pertuan Agong, consisting of several horizontal strokes and a large loop.

Yang di-Pertuan Agong

31...hb Disember 1985

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 325

**AKTA KEDAH DAN PULAU PINANG
(PENGUBAHAN SEMPADAN) 1985**

Suatu Akta di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan untuk mengubah sebahagian dari sempadan di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang.

[]

BAHAWASANYA telah dipersetujui di antara Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang bahawa bahagian sempadan yang sedia ada di antara Negeri-Negeri yang tersebut diubah;

BAHAWASANYA Majlis Raja-Raja telah mempersetujui Akta ini;

DAN BAHAWASANYA Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang telah melahirkan persetujuan mereka akan Akta ini oleh Enakmen Pengubahan Sempadan (Kedah dan Pulau Pinang) No. 3 Tahun 1985 bagi Kedah dan Enakmen Pengubahan Sempadan (Negeri Pulau Pinang) No. 1 Tahun 1985 bagi Pulau Pinang;

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong, melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.**

Takmasuk-nya sebahagian Pulau Pinang dari Pulau Pinang dan termasuk bahagian itu dalam Kedah.

2. (1) Bahagian sempadan di antara Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang yang di sepanjang Sungai Muda adalah diubah kepada yang di sepanjang garis tengah alur Sungai Muda sebagaimana Sungai itu mengalir sebelum sahaja berkuatkuasanya Akta ini, perubahan tersebut kepada sempadan yang ditunjukkan dalam Pelan diserahkan yang dikenalpasti mengikut Pelan *Warta* No. PW 1000 hingga PW 1008 sebagai Pelan-

- (a) yang masing-masing diperakui oleh Pengarah Ukur, Kedah/Perlis, dan Pengarah Ukur, Pulau Pinang, sebagai Pelan sempadan yang diluluskan dan yang betul sebagaimana diubah sedemikian dan kawasan sekelilingnya; dan
- (b) yang masing-masing bertarikh dan diserahkan dalam pejabat Pengarah Ukur, Kedah/ Perlis, dan Pengarah Ukur, Pulau Pinang.

(2) Sekiranya berlaku apa-apa perubahan dalam peraliran Sungai Muda yang disebabkan oleh proses hakisan dan enaptimbus yang semulajadi dan secara perlahan-lahan, sempadan itu hendaklah mengikut peraliran berubah Sungai di sepanjang garis tengah alur Sungai itu.

Pengubahan sempadan di antara Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang.

3. Bahagian Negeri Pulau Pinang yang mengandungi-

- (a) Sungai Muda yang bermula dari garis tengah alur Sungai Muda hingga tebing utara Sungai itu; dan
- (b) kawasan yang diwarnakan hijau dalam Pelan No. PW 1003 diserahkan yang dirujuk dalam seksyen 2;


(kemudian dari ini dalam Akta ini disebut "kawasan yang tersebut") hendaklah, berbangkit daripada pengubahan sempadan yang tersebut di atas

- (aa) tidak lagi menjadi sebahagian dari Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang hendaklah melepas dan berhenti daripada menjalankan apa-apa kedaulatan terhadap kawasan yang tersebut, dan semua kuasa dan bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang dan Badan Perundangan Negeri Pulau Pinang dalam dan berkenaan dengannya hendaklah berakhir; dan

[S.3]

KEDAH DAN PULAU PINANG (PENGUBAHAN 5
SEMPADAN)

- (bb) menjadi sebahagian dari dan terletak pada Negeri Kedah, dan Raja Negeri Kedah hendaklah menjalankan kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa dalam dan berkenaan dengannya, dan Badan Perundangan Negeri Kedah hendaklah menjalankan kuasa perundangannya dalam dan berkenaan dengannya.



LAWS OF MALAYSIA

Act 325

KEDAH AND PENANG (ALTERATION OF
BOUNDARY) ACT 1985

LAWS OF MALAYSIA**Act 325****KEDAH AND PENANG (ALTERATION OF
BOUNDARY) ACT 1985**

An Act under Article 2 of the Federal Constitution to alter a part of the boundary between the States of Kedah and Penang.

[]

WHEREAS it has been agreed between the State of Kedah and the State of Penang that part of the existing boundary between the said States be altered;

WHEREAS the Conference of Rulers has consented to this Act;

AND WHEREAS the State of Kedah and the State of Penang have expressed their consent to this Act by the Alteration of Boundary (Kedah and Penang) Enactment No. 3 of 1985 of Kedah and the Alteration of Boundary (State of Penang) Enactment No. 1 of 1985 of Penang;

BEIT ENACTED by the Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong with the advice and consent of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in Parliament assembled, and by the authority of the same, as follows

1. This Act may be cited as the Kedah and Penang (Alteration of Boundary) Act 1985 and shall come into force on such date as the Yang di-Pertuan Agong may, by notification in the *Gazette*, appoint.

Short title
and com-
mencement.

Attention of boundary between the State of Kedah and the State of Penang.

2. (1) That part of the boundary between the State of Kedah and the State of Penang which runs along the Muda River is altered to one running along the centre line of the Muda River channel as the River flowed immediately before the commencement of this Act, the said alteration to the boundary being shown in the deposited Plans identified by reference to Gazette Plans Nos. PW 1000 to PW 1008 being the Plans

- (a) certified by the Director of Survey, Kedah/ Perlis, and the Director of Survey, Penang, respectively as the approved and correct Plans of the boundary as so altered and the surrounding area; and
- (b) dated and deposited in the office of the Director of Survey, Kedah/Perlis, and the Director of Survey, Penang, respectively.

(2) In the event of any change in the course of the Muda River due to the natural and gradual process of erosion and accretion, the boundary shall follow the changed course of the River along the centre line of the river channel.

Exclusion of a Part of Penang from Penang and the inclusion of that part in Kedah'

3. That part of the State of Penang which comprises

- (a) the Muda River extending from the centre line of the Muda River channel to the north bank of the River; and
- (b) the area shaded green in the deposited Plan No. PW 1003 referred to in section 2;

(hereinafter in this Act referred to as "the said area") shall, in consequence of the aforesaid alteration of the boundary

- (aa) cease to form part of the State of Penang and the State Authority of Penang shall relinquish and cease to exercise any sovereignty over the said area, and all powers and jurisdiction of the State Authority of Penang and the Legislative Council of the State of Penang in and in respect thereof shall come to an end; and

[S. 3]

KEDAH AND PENANG (ALTERATION OF BOUNDARY) 5

(bb) form part of and vest in the State of Kedah, and the Ruler of the State of Kedah shall exercise sovereignty, power and jurisdiction in and in respect thereof, and the Legislature of the State of Kedah shall exercise its legislative power do and in respect thereof.